

Pada 23 Februari 2012, Lembaga Pengarah Maybank ("**Lembaga Pengarah**") mengisytiharkan dividen tunai akhir sebanyak RM0.36 bagi setiap saham biasa Maybank bernilai RM1.00 sesaham ("**Saham Maybank**") tolak 25% cukai bagi tempoh 6-bulan kewangan berakhir 31 Disember 2011 ("**Dividen Tunai Akhir**"). Lembaga Pengarah juga mengumumkan bahawa Pelan Pelaburan Semula Dividen akan diguna pakai bagi pembayaran Dividen Tunai Akhir di mana bahagian boleh pilih kasar sebanyak RM0.32 (RM0.24 bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang ("**Bahagian Boleh Pilih**") boleh dilaburkan semula ke dalam Saham Maybank baru dan bahagian selebihnya sebanyak RM0.04 (RM0.03 bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang akan dibayar tunai. Dividen Tunai Akhir telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Maybank di mesyuarat agung tahunan yang berlangsung pada 29 Mac 2012.

Setiap pemegang saham yang layak mempunyai pilihan-pilihan berikut terhadap Bahagian Boleh Pilih:

- Memilih untuk menerima kesemua Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau
- Memilih untuk melabur semula kesemua Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM8.00 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 17 April 2012; atau
- Memilih untuk melabur semula sebahagian daripada Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM8.00 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 17 April 2012 dan menerima bahagian selebihnya daripada Bahagian Boleh Pilih dalam tunai.

Sekiranya anda adalah pemegang saham kami yang layak, sila ambil perhatian kepada tarikh-tarikh berikut:

Tarikh dan masa akhir untuk menyerahkan Borang : **Jumaat, 18 Mei 2012 pada jam 5.00 petang**, atau sebarang masa dan tarikh yang mungkin dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan budi bicara mutlak mereka

Terbitan dan peruntukan Saham-saham Maybank baru : **Isnin, 4 Jun 2012**
serta pembayaran dividen tunai kepada pemegang saham yang layak

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai DRP, anda boleh menghubungi Pendaftar bagi DRP di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur (Tel: +603-2264 3883) atau e-mel kepada is.enquiry@my.tricorglobal.com.

Penasihat bagi DRP

**Maybank**
Investment Bank**Maybank Investment Bank Berhad (15938-H)**
(Sebuah Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)